

Promosi 'Gempur Aedes'



Mohamad Yasid (tiga kiri) menyerahkan replika kunci kereta Bezza kepada Pengarah Jabatan Kesihatan, Azmi Muji ketika majlis pelancaran kenderaan itu, semalam.

MPK perangi denggi dengan kenderaan promosi

NOR AZIHAN MD GHAZALI

KLANG

Dalam usaha memerangi denggi, Majlis Perbandaran Klang (MPK) melancarkan kenderaan promosi 'Gempur Aedes' yang akan digunakan bagi tujuan hebahan kepada penduduk di daerah ini.

Yang DiPertuanya, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, kenderaan jenis Perodua Bezza model Premium X itu dilengkapi dengan sistem siaran dan berinformasi yang berfungsi memberitahu kepada umum tentang pen-

cegahan Aedes.

"Kenderaan tersebut akan bergerak ke seluruh daerah ini, khususnya di kawasan-kawasan perumahan yang berisiko dengan wabak ini.

"Kita mempergiatkan segala usaha untuk membanteras nyamuk aedes ke tahap yang maksima selepas melihat peningkatan kes demam denggi yang membimbangkan di sini," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas memengerusikan mesyuarat bulanan dan melancarkan kenderaan itu, di sini semalam.

Menurutnya, majlis turut mempergiatkan pelbagai langkah pencegahan melibatkan keseluruhan kawasan seperti gotong royong, ceramah kesihatan, operasi pembersihan, operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi dan juga penguatkuasaan.

"Kita juga menubuhkan

pasukan Komuniti Bebas Aedes 10 minit (Koba-10) di lokasi mengikut zon Ahli Majlis," katanya.

Berkenaan statistik kes denggi di Klang pula, beliau berkata, sebanyak enam kes membabitkan kematian telah direkodkan tahun lalu.

"Jika mengambil kira jumlah keseluruhan bagi tempoh setahun pada 2017, sebanyak 6,745 kes denggi direkodkan. Bagi tempoh dua bulan pertama tahun ini pula, sebanyak 1,047 kes sudah dilaporkan," katanya.

Katanya lagi, terdapat dua kawasan hotspot sudah dikenalpasti yang menyumbang kepada wabak itu.

"Kawasan berkenaan adalah Andalas dengan 52 kes dan Meru sebanyak 30 kes. Oleh itu, empat Pest Control Operator (PCO) telah dilantik majlis bagi menjalankan operasi dan tindakan di kawasan yang dikenalpasti," katanya.